

Abstrak

Kakitangan merupakan aset yang terpenting di dalam sesebuah organisasi. Kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi bergantung kepada prestasi kakitangannya. Oleh itu, kakitangan mesti bermotivasi untuk bekerja demi mencapai matlamat sesebuah organisasi tersebut.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui tahap motivasi kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Statistik, Bank Negara Malaysia. Satu tinjauan dalam bentuk kaji selidik telah dijalankan ke atas kesemua kakitangan di Jabatan ini.

Hasil Kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, 33.3% kakitangan berada pada tahap yang amat bermotivasi, 56.9% berada pada tahap yang agak bermotivasi dan bakinya sebanyak 9.8% berada pada tahap yang tidak bermotivasi. Dari segi kesignifikanan hubungan di antara pembolehubah, didapati 5 pembolehubah ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap motivasi, iaitu: peluang kemajuan kerjaya, jaminan kerja, hubungan dengan penyelia, polisi & corak pengurusan organisasi dan persekitaran & kemudahan fizikal tempat kerja. Secara khususnya, 5 elemen mengikut susunan kepentingan yang mempertingkatkan tahap motivasi kakitangan Jabatan ini ialah: 1. Kemudahan sampingan secara keseluruhan adalah baik; 2. Semangat kerja yang sangat baik di tempat kerja; 3. Kerjasama yang baik di antara rakan sekerja; 4. Jalinan persahabatan yang baik di antara rakan-rakan sekerja; dan 5. Pekerjaan memberi jaminan kehidupan. Manakala 5 elemen yang paling tidak memotivasikan kakitangan

Jabatan ini ialah: 1. Kenaikan pangkat dalam organisasi tidak diuruskan dengan adil dan baik; 2. Tiada pengiktirafan yang setimpal dengan hasil kerja yang disumbangkan; 3. Tiada penghargaan dalam tugas yang dijalankan; 4. Tiada peluang kenaikan pangkat; dan 5. Tiada pujian dari penyelia setelah melakukan kerja dengan baik.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak pengurusan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memperbaiki faktor-faktor seperti kenaikan pangkat, pengiktirafan dan penghargaan dari penyelia demi mempertingkatkan tahap motivasi kakitangan.

Motivation Level of Staff in the Department of Statistic, Bank Negara Malaysia

Abstract

Staff is one of the most important assets of an organisation. The performance of an organisation rely mainly on the performance of its staff. Therefore, staff must be motivated to work in order to achieve the goals of the organisation.

The purpose of the research is to identify the motivation level of staff in Jabatan Perkhidmatan Statistik, Bank Negara Malaysia. A research was made by conducting a survey on all staff in this department.

The research revealed that overall, 33.3% of its staff are at the high level of motivation, 56.9% are at the middle level of motivation and the remaining of 9.8% are not motivated to work. In terms of significance of relationship between variables, it is noted that there are five variables that have significant relationship with the level of motivation, i.e: career advancement opportunity, job security, relationship with supervisor, organisation policy and management, as well as environment of work place. Specifically, 5 elements that boost the level of motivation of the staff of this department are: 1. Facilities provided by Bank Negara Malaysia; 2. Spirit of work relationship among colleagues; 3. Teamwork among colleagues; 4. Close relationship among colleagues; and 5. Job security. Five elements that jeopardise the motivation level of the staff are: 1. Fairness of promotion; 2. Recognition for job done not comparable with contribution; 3. Appreciation of a good job done;

4. Opportunity for promotion; and 5. Recognition from supervisors for a job well done.

The survey results could serve as a guidance to the management in the planning of actions to be taken to improve the motivation level of the staff in Bank Negara Malaysia.